DINISHWARAN RAMAN & YANG LAIN
lwn. PP & SATU LAGI RAYUAN

MAHKAMAH RAYUAN, PUTRAJAYA
HADHARIAH SYED ISMAIL HMR
AHMAD ZAIDI IBRAHIM HMR
AZMI ARIFFIN HMR
[RAYUAN JENAYAH NOS: W-05(M)-209-07-2020
& W-05(M)-211-07-2020]
5 FEBRUARI 2024

Abstrak – *(i) Motif tidak diperlukan untuk membuktikan satu kesalahan membunuh tetapi jika dibuktikan oleh pihak pendakwaan, motif akan menyokong kes pendakwaan terhadap tertuduh; (ii) Niat bersama, bawah s. 34 Kanun Keseksaan, boleh dibuktikan dengan membuat inferens daripada keadaan fakta kes dan perlakuan tertuduh.*

PROSEDUR JENAYAH: *Rayuan – Rayuan terhadap sabitan dan hukuman – Tertuduh-tertuduh didapati bersalah bawah s. 302 dibaca bersama-sama s. 34 Kanun Keseksaan atas kesalahan membunuh – Si mati ditemukan mati dalam tong drum – Tertuduh-tertuduh dijatuhkan hukuman gantung sampai mati – Sama ada motif dan niat bersama untuk membunuh si mati berjaya dibuktikan – Sama ada keterangan saksi utama kredibel dan benar – Sama ada hakim bicara mempertimbangkan pembelaan tertuduh-tertuduh – Kanun Keseksaan, ss. 34 & 302*

Timbalan Pendakwa Raya, Kevin Morais ('si mati'), telah dilaporkan hilang dan, hampir dua minggu kemudian, mayatnya dijumpakan di satu kawasan paya, di dalam guni yang dimasukkan dalam tong drum berisi simen. Siasatan polis membawa pada tangkapan seramai tujuh orang. Ketujuh-tujuh orang ini asalnya dituduh di Mahkamah Tinggi atas kesalahan membunuh si mati, bawah s. 302 dibaca bersama-sama s. 34 Kanun Keseksaan ('KK'). Walau bagaimanapun, pertuduhan terhadap tertuduh kedua digugurkan selepas dia mengaku bersalah atas pertuduhan bawah s. 201 KK iaitu membantu melupuskan mayat si mati. Perbicaraan diteruskan terhadap perayu-perayu, iaitu tertuduh pertama dan tertuduh ketiga hingga ketujuh, manakala tertuduh kedua memberi keterangan sebagai saksi pendakwaan SP54. Berpuas hati bahawa pihak pendakwaan telah membuktikan satu kes *prima facie*, hakim bicara memanggil tertuduh-tertuduh membela diri. Di akhir kes pembelaan, hakim bicara mendapati pembelaan tertuduh-tertuduh bersifat fikiran terkemudian dan tidak menimbulkan apa-apa keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan. Berikutan itu, tertuduh-tertuduh dijatuhkan hukuman gantung sampai mati. Maka timbul rayuan-rayuan ini. Menyokong rayuan-rayuan mereka, tertuduh-tertuduh menegaskan: (i) mereka tiada motif untuk membunuh si mati; (ii) tiada niat bersama antara

semua tertuduh untuk membunuh si mati; (iii) SP54 bukan saksi yang kredibel dan dia telah memberi keterangan palsu; dan (iv) pembelaan tertuduh-tertuduh tidak dipertimbangkan.

Diputuskan (menolak rayuan-rayuan)

Oleh Hadhariah Syed Ismail HMR menyampaikan penghakiman mahkamah:

(1) Motif tidak diperlukan untuk membuktikan satu kesalahan membunuh. Walau bagaimanapun, jika motif berjaya dibuktikan oleh pihak pendakwaan, ini akan menyokong kes pendakwaan terhadap tertuduh-tertuduh. Fakta menunjukkan tertuduh ketiga hingga ketujuh tidak mengenali si mati. Oleh itu, hakim bicara membuat keputusan yang betul apabila memutuskan bahawa tertuduh ketiga hingga ketujuh tiada sebab atau motif untuk membunuh si mati. Ini tidak bermakna mereka tidak terlibat dalam pembunuhan si mati. Melihat pada cara pembunuhan dilakukan, tertuduh ketiga hingga ketujuh ada kaitan dengan tertuduh pertama dan mereka adalah pelaku yang melaksanakan niat tertuduh pertama untuk menghapuskan si mati. Tertuduh pertama bukan sahaja mengenali si mati bahkan mempunyai masalah emosi dan kewangan kerana si mati adalah pegawai pendakwa untuk kes rasuah, dan beberapa kes lain, terhadap tertuduh pertama. Tertuduh pertama bukan sahaja mempunyai motif untuk membunuh si mati kerana si mati dikatakan menyusahkan hidupnya malah dia adalah 'mastermind' sebalik kejadian pembunuhan ini. Pembunuhan dilakukan dengan tertuduh pertama memberi arahan kepada tertuduh ketujuh dan tertuduh ketujuh pula memberi arahan kepada tertuduh ketiga hingga keenam. (perenggan 80, 81 & 88)

(2) Niat bersama hanya boleh dibuktikan dengan membuat inferens daripada keadaan fakta kes dan perlakuan tertuduh-tertuduh. Dalam kes ini, perlakuan tertuduh-tertuduh yang membolehkan inferens dibuat bahawa wujud niat bersama mereka untuk membunuh si mati adalah seperti berikut: (i) tertuduh ketiga hingga ketujuh ada bersama-sama semasa perlanggaran yang disengajakan antara kereta Mitsubishi Triton ('Triton') dengan kereta si mati. Selepas perlanggaran, tertuduh ketujuh turun dari kereta Proton Perdana ('Perdana') dan menuju ke kereta si mati. Kemudian, tertuduh ketujuh memandu kereta si mati ke bengkel SD8; (ii) rakaman CCTV menunjukkan beberapa orang turun dari Triton menuju ke kereta si mati. Walaupun identiti orang-orang ini tidak jelas, inferens boleh dibuat bahawa mereka ialah tertuduh ketiga hingga kelima kerana tertuduh keenam yang memandu Triton tidak turun dan meneruskan perjalanan. SP54 juga tidak turun dari kereta dan terus memandu kereta Perdana, meninggalkan tempat tersebut dan dia tidak terlibat dengan pembunuhan si mati; (iii) inferens bahawa tertuduh ketiga hingga kelima turun dari Triton dan pergi ke kereta si mati disokong oleh dua alasan berikut: (a) kecederaan-kecederaan yang

dikenakan atas si mati adalah untuk mengakibatkan si mati tidak boleh bernafas seperti menyerkup muka si mati dengan beg plastik dan menekan serta menghimpit dada si mati. Tangan si mati juga diikat ke belakang dengan tali leher. Kesemua perbuatan ini dilakukan dengan cepat dan tidak boleh dilakukan oleh seorang tertuduh sahaja; dan (b) SD8 memberi keterangan bahawa semasa kereta si mati sampai ke bengkelnya, selain tertuduh ketujuh, ada tiga orang dalam kereta si mati dan satu guni dalam bonet kereta si mati; (iv) perlakuan tertuduh ketiga hingga ketujuh yang sengaja melanggar kereta si mati, menculik dan seterusnya membunuh si mati menunjukkan mereka telah merancang terlebih dahulu cara pembunuhan ini hendak dilaksanakan; dan (v) tertuduh pertama turut terlibat kerana dia hanya tersenyum dan menasihatkan SP54 supaya bertenang dan tidak mencampuri urusan tertuduh ketiga hingga ketujuh apabila SP54 memberitahu tertuduh pertama tentang darah yang mengalir dari tong drum. Tertuduh pertama juga menunjukkan gambar kereta si mati yang terbakar, dalam telefon bimbitnya, kepada SP54. Seterusnya, tertuduh ketujuh pula telah membalingkan kunci kereta si mati pada tertuduh pertama. Selain itu, tertuduh pertama juga menyatakan dia akan menanggung yuran guaman tertuduh ketiga hingga ketujuh kerana semua masalah ini berpunca daripada tertuduh pertama. Kesemua fakta ini telah diambil kira oleh hakim bicara semasa beliau memutuskan pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan wujudnya niat bersama antara kesemua tertuduh untuk membunuh si mati. Tiada apa-apa sebab untuk mengganggu dapatan fakta yang dibuat oleh hakim bicara. (perenggan 92 & 93)

(3) Keterangan SP54 disokong oleh keterangan berikut: (i) DNA si mati dijumpakan di pintu tandas di bengkel SD8; (ii) DNA si mati dan tertuduh keenam dan ketujuh dijumpakan pada t-shirt yang dipakai oleh tertuduh ketujuh; (iii) tempat barang peribadi si mati ditemukan; (iv) tong drum yang dijumpakan mengandungi mayat si mati; dan (v) tempat kereta si mati dibakar. Keterangan SP54 bukanlah keterangan palsu. Aduan tertuduh-tertuduh adalah tidak berasas dan ditolak. Apabila keterangan SP54 tentang fakta-fakta material adalah benar, hakim bicara membuat keputusan yang betul apabila memutuskan keterangan SP54 disokong oleh keterangan lain dan bahawa sabitan berasaskan keterangan SP54 adalah selamat. Terdapat keterangan yang melimpah ruah yang menyokong dapatan fakta hakim bicara. (perenggan 98, 99 & 101)

(4) Kesimpulan hakim bicara, bahawa pembelaan tertuduh-tertuduh adalah penafian, satu rekaan dan tidak menimbulkan keraguan munasabah, adalah tepat. Sabitan dan hukuman yang dijatuhkan oleh hakim bicara dalam kedua-dua rayuan dikekalkan. (perenggan 108 & 111)

A ***English*** *Headnotes*

Deputy Public Prosecutor, Kevin Morais ('deceased'), was reported missing before his body was discovered in a swamp, almost two weeks later, placed in a sack in a concrete-filled drum. Police investigations led to the arrest of seven individuals. These seven individuals were initially charged at the High B Court for the murder of the deceased, pursuant to s. 302 read together with s. 34 of the Penal Code ('PC'). The charge against the second accused person was, however, dropped after he pleaded guilty to a charge under s. 201 of the PC for aiding in the disposal of the deceased. The trial proceeded against the appellants, namely the first accused person and the third to seventh C accused persons, whilst the second accused person testified as prosecution witness, SP54. Satisfied that the prosecution had successfully established a *prima facie* case, the trial judge called upon the accused persons to enter their defences. At the close of the defence case, the trial judge found that the defences of the accused persons were an afterthought and did not raise any D reasonable doubt on the prosecution's case. The accused persons were subsequently sentenced to death by hanging. Hence, the present appeals. In support of their appeals, the accused persons argued that: (i) they had no motive to kill the deceased; (ii) there was no common intention between the accused persons to murder the deceased; (iii) SP54 was not a credible witness E and had given a false testimony; and (iv) the defences of the accused persons were not considered.

Held (dismissing appeals)
Per Hadhariah Syed Ismail JCA delivering the judgment of the court:

F **(1)** Motive was not a requirement in order to prove the offence of murder. However, motive, if successfully established by the prosecution, would lend support to the prosecution's case against the accused persons. The facts revealed that the third to seventh accused persons did not know the deceased. Therefore, the trial judge had arrived at the correct decision when His Lordship found that the third to seventh accused persons had G no reason or motive to murder the deceased. This did not mean that they had no involvement in the murder of the deceased. Based on the way the murder was committed, the third to seventh accused persons were linked to the first accused and they were the perpetrators who carried out the first accused's intention to dispose of the deceased. Not only did the first H accused person know the deceased, but he also faced emotional and financial troubles as the deceased acted as the prosecuting officer for the corruption case, and several other cases, against him. The first accused person did not only have a motive to murder the deceased, as the latter was said to have made the former's life difficult, but he was also the I 'mastermind' behind the murder. The murder was carried out with the first accused person giving instructions to the seventh accused person and the latter, in turn, gave instructions to the third to sixth accused persons.

(2) Common intention could only be established by drawing inferences from the facts of the case and the conduct of the accused persons. In the present case, the conduct of the accused, which enabled inferences to be drawn that there existed a common intention between them to murder the deceased, were: (i) the third to seventh accused persons were together when the deliberate collision between the Mitsubishi Triton ('Triton') and the car driven by the deceased took place. Following the collision, the seventh accused person alighted from the Proton Perdana ('Perdana') and advanced towards the deceased's car. The seventh accused person then drove the deceased's car to SD8's workshop; (ii) CCTV footages showed several individuals alighted from the Triton before heading towards the deceased's car. Although the identity of these individuals was unclear, an inference could be drawn that they were the third to fifth accused persons as the sixth accused person, who was driving the Triton, did not get off and continued his journey. SP54, too, did not alight from the car and continued to drive the Perdana, leaving the scene and he was not involved in the murder of the deceased; (iii) the inference that the third to fifth accused persons got off the Triton and went to the deceased's car was supported by these two reasons: (a) the injuries inflicted on the deceased were made to cause the deceased to not be able to breathe, *ie*, by covering the deceased's face with a plastic bag and pressing and pinning against the deceased's chest. The deceased's hands were also tied behind his back with a tie. These acts were performed speedily and could not have been done by a single accused person; and (b) SD8 testified that when the deceased's car arrived at his workshop, apart from the seventh accused person, there were three others in the deceased's car and also present was a sack in the boot of the deceased's car; (iv) the conducts of the third to seventh accused persons, in deliberately hitting the deceased's car and kidnapping and subsequently murdering the deceased, showed that they had orchestrated in advance on how the murder was to be carried out; and (v) the first accused person was also involved because he merely smiled and advised SP54 to stay calm and to not interfere in the affairs of the third to seventh accused persons when the latter informed the former about the blood flowing from the drum. The first accused person further showed a photo of the deceased's burning car, from his mobile phone, to SP54. Next, the seventh accused person threw the deceased's car keys to the first accused person. Additionally, the first accused person also stated that he would bear the legal fees of the third to seventh accused persons owing to the fact that all these problems stemmed from him. All these facts were considered by the trial judge when His Lordship held that the prosecution had successfully proven the existence of a common intention between the accused persons to murder the deceased. There was no reason to disturb the findings of fact made by the trial judge.

(3) SP54's evidence was supported by the following evidence: (i) the deceased's DNA was found on the toilet door of SD8's workshop; (ii) the DNA of the deceased and the sixth and seventh accused persons were discovered on the t-shirt worn by the seventh accused person; (iii) where the personal belongings of the deceased were found; (iv) a drum found containing the deceased's body; and (v) where the deceased's car was set ablaze. SP54's testimony was not a false one. The complaints made by the accused persons were baseless and accordingly dismissed. As SP54's testimony on the material facts was credible, the trial judge made the correct decision in ruling that SP54's testimony was supported by other evidence and that a conviction based on SP54's testimony was safe. There was a plethora of evidence supporting the trial judge's findings of fact.

(4) The conclusion arrived at by the trial judge, that the defence of the accused persons were one of denial, a fabrication and did not raise any reasonable doubt, was correct. The convictions and sentences imposed by the trial judge in both appeals were upheld.

Kes-kes yang dirujuk:

Ashok v. State Of Maharashtra [2015] 4 Supreme Court 393 ***(dirujuk)***
Dato' Mokhtar Hashim & Anor v. PP [1983] 2 CLJ 10; [1983] CLJ (Rep) 101 FC ***(dirujuk)***
Farose Tamure Mohamad Khan v. PP & Other Appeals [2016] 9 CLJ 769 FC ***(dirujuk)***
Yap Ee Kong & Anor v. PP [1980] CLJU 117; [1980] 1 LNS 117 FC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Evidence Act 1950, s. 133
Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009, ss. 16(A), 17A
Penal Code, ss. 32, 34, 168, 201, 300(c), 302, 403

Bagi pihak tertuduh pertama - N Sivananthan; T/n Sivananthan Jasmine Cheong & Mithun Raj; T/n Cheong & Maman
Bagi pihak tertuduh ketiga - M Manoharan, M Hariharan & Subramaniam Paramasivam; T/n M Manoharan & Co
Bagi pihak tertuduh keempat - Burhanudeen Abdul Wahid; T/n Burhan & Co
Bagi pihak tertuduh kelima - Afifuddin Ahmad Hafifi & Hafizuddin Salehuddin; T/n Salehuddin Saidin & Assocs
Bagi pihak tertuduh keenam - Amer Hamzah Arshad, Joshua Tay & Siti Summaiyah Ahmad Jaafar; T/n Amer Bon
Bagi pihak tertuduh ketujuh - Kitson Foong & Vam Sher Mooi; T/n Kit & Assocs
Bagi pihak responden - Mohd Dusuki Mokhtar, Mohd Fairuz Johari & Mohd Fuad Abdul Aziz TPR; Jabatan Peguam Negara

[Nota Pengarang: Untuk kes Mahkamah Tinggi, sila lihat PP lwn. Kunasegaran Ragavanaidu & Satu Lagi Kes [2021] 9 CLJ 266 (disahkan)]

Dilaporkan oleh Najib Tamby

PENGHAKIMAN

Hadhariah Syed Ismail HMR:

Pengenalan

[1] Kedua-dua rayuan ini berbangkit daripada keputusan Mahkamah Tinggi bertarikh 10 Julai 2020 yang mensabitkan kesemua enam perayu bersalah atas pertuduhan membunuh Anthony Kevin Morais a/l Francis Albert Morais, suatu kesalahan di bawah s. 302 Kanun Keseksaan dibaca bersama s. 34 Kanun yang sama dan telah dikenakan hukuman gantung sampai mati. Kesemua perayu merayu terhadap sabitan dan hukuman.

[2] Dalam penghakiman ini, perayu-perayu akan dirujuk sebagai OKT, mengikut kedudukan asal mereka di Mahkamah Tinggi iaitu:

(i) Kunaseegaran a/l Ragavanaidu - OKT 1

(ii) Dinishwaran a/l Raman - OKT 3

(iii) Thinesh Kumar a/l Ashok Kumar - OKT 4

(iv) Vishwanath a/l Murugaya - OKT 5

(v) Nimalan a/l Sasikaran - OKT 6

(vi) Ravi Chandran a/l Subramaniam - OKT 7

Pertuduhan Pindaan Terhadap OKT 1

> Bahawa kamu pada 4 September 2015 di antara jam 7.00 pagi hingga jam 8.00 malam di dalam perjalanan dari Jalan Dutamas 1 di dalam Daerah Sentul di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ke No. 1 Jalan USJ 1/6D Subang Jaya di dalam Daerah Petaling di dalam Negeri Selangor bagi mencapai niat bersama, kamu bersama-sama dengan Dinishwaran a/l Raman, Thinesh Kumar a/l Ashok Kumar, Vishwanath a/l Murugaya, Nimalan a/l Sasikaran dan Ravi Chandran a/l Subramaniam telah melakukan bunuh ke atas Anthony Kevin Morais a/l Francis Albert Morais dan oleh yang demikian kamu telah melakukan kesalahan di bawah s. 302 Kanun Keseksaan dan dibaca bersama s. 34 Kanun yang sama.

Pertuduhan Terhadap OKT 3 Hingga OKT 7

> Bahawa kamu pada 4 September 2015 di antara jam 7.00 pagi hingga jam 8.00 malam di dalam perjalanan dari Jalan Dutamas 1 di dalam Daerah Sentul di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ke No.1 Jalan USJ 1/6D Subang Jaya di dalam Daerah Petaling di dalam Negeri Selangor bagi mencapai niat bersama kamu semua telah melakukan bunuh ke atas Anthony Kevin Morais a/l Francis Albert Morais dan oleh yang demikian kamu telah melakukan kesalahan di bawah s. 302 Kanun Keseksaan dan dibaca bersama s. 34 Kanun yang sama.

Kes Pendakwaan

[3] Fakta menunjukkan Timbalan Pendakwa Raya Kevin Morais (kemudian dari ini dirujuk sebagai si mati) telah dilaporkan hilang pada 4 September 2015. Mayat beliau ditemui pada 16 September 2015.

[4] Keadaan mayat si mati ketika dijumpai. Mayat berpakaian lengkap tanpa kasut. Tangan diikat ke belakang dengan tali leher (tie). Terdapat tujuh kesan tekanan atau himpitan di bahagian dada, bahu dan belakang badan si mati. Mayat si mati dimasukkan ke dalam guni dalam posisi janin (fetus position). Guni diikat dengan dawai besi. Guni dimasukkan ke dalam tong drum. Kemudian simen dicurahkan ke dalam tong drum. Akhir sekali, tong drum dibuang ke dalam paya berair.

[5] Saksi pakar forensic, SP11, memberi keterangan bahawa punca kematian si mati ialah si mati tidak boleh bernafas (asphyxia). SP11 menjelaskan si mati bukan mati kerana lemas di dalam air. Menurut SP11, si mati telah pun mati sebelum dimasukkan ke dalam guni. Pendapat SP11 ialah si mati tidak boleh bernafas mungkin kerana muka si mati diserkup dengan beg plastik, beg plastik diketatkan atau diikat di leher menyebabkan si mati tidak boleh bernafas. Menurut SP11 lagi, kecederaan yang diakibatkan kepada si mati tidak boleh dilakukan oleh seorang pelaku sahaja.

[6] Bagi membuktikan kes *prima facie* terhadap kesemua OKT bagi pertuduhan di bawah s. 302 Kanun Keseksaan dibaca bersama s. 34 Kanun yang sama, pendakwaan haruslah membuktikan inti pati-inti pati berikut:

(i) bahawa Anthony Kevin Morais a/l Francis Albert Morais telah mati;

(ii) bahawa kematian si mati adalah akibat dari kecederaan yang dialaminya;

(iii) bahawa kematian si mati adalah disebabkan oleh perlakuan OKT-OKT; dan

(iv) bahawa OKT-OKT, dengan perbuatan mereka, berniat secara bersama untuk menyebabkan kecederaan yang pada lazimnya boleh menyebabkan kematian mengikut takrifan di bawah s. 300(c) Kanun Keseksaan.

[7] Tidak ada isu bahawa inti pati (i) dan (ii) telah dibuktikan oleh pendakwaan. Bagi membuktikan inti pati (iii) dan (iv) iaitu OKT-OKT adalah pelaku-pelaku yang menyebabkan si mati mengalami asphyxia dan mereka mempunyai niat bersama untuk menyebabkan kematian kepada si mati, pendakwaan bergantung kepada keterangan SP54 (Gunasekaran a/l Govindan).

[8] Pada asalnya SP54 turut dituduh sebagai OKT 2 bersama-sama dengan OKT 3 hingga OKT 7 di bawah s. 302 Kanun Keseksaan. Pada 20 Disember 2016, OKT 2 telah ditawarkan dengan satu pertuduhan pilihan di bawah s. 201 Kanun Keseksaan. OKT 2 mengaku salah kepada pertuduhan pilihan

dan dikenakan hukuman dua tahun penjara. OKT 2 kemudiannya dijadikan sebagai saksi pendakwaan yang ke-54 (SP54). SP54 juga dikenali oleh OKT-OKT lain sebagai Jay. Dalam penghakiman ini, beliau akan dirujuk sebagai SP54.

[9] Sedikit latar belakang SP54. Beliau adalah tuan punya kedai makan di No. 1, Jalan USJ 1/6D, Subang Jaya, Selangor. Beliau diperkenalkan kepada OKT 1 oleh OKT 7. Beliau mengenali OKT 1 lebih kurang empat bulan sebelum kejadian kes ini. Fakta menunjukkan SP54 menjadi rakan kepada OKT 1 dan mereka selalu minum bersama.

[10] Sebelum menyentuh keterangan SP54, adalah baik juga dinyatakan secara ringkas latar belakang OKT 3 hingga OKT 7. Pada 3 September 2015, OKT 3 hingga OKT 7 datang dari Kedah ke Kuala Lumpur dengan menaiki kereta pacuan empat roda iaitu Mitsubishi Triton No. PEP 1135. Kesemua mereka mengenali antara satu sama lain. Mereka sampai di Kuala Lumpur pada jam lebih kurang 5 pagi 3 September 2015.

[11] Sedikit latar belakang OKT 1. Sebelum kejadian kes ini, beliau berkhidmat sebagai Consultant Histopathologist dengan Angkatan Tentera. Kemudian, beliau menubuhkan Syarikat Genomad Laboratory di Klang, Selangor. OKT 1 telah dituduh di Mahkamah Sesyen Shah Alam, Selangor dengan kesalahan rasuah dan beberapa pertuduhan lain di bawah Kanun Keseksaan. Pegawai pendakwa dalam kes-kes terhadap OKT 1 ialah mendiang Timbalan Pendakwa Raya Kevin Morais. Fakta menunjukkan OKT 1 tidak senang hati dengan mendiang si mati sebagai pegawai pendakwa kerana dikatakan telah menyusahkan hidupnya apabila si mati menambah pertuduhan terhadap OKT 1. Fakta kes menunjukkan OKT 1 hanya mengenali dan berkomunikasi dengan SP54 dan OKT 7 sahaja.

[12] Naratif fakta oleh SP54 seperti yang dinyatakan oleh hakim bicara dalam alasan penghakiman beliau adalah seperti berikut.

[13] Pada 3 September 2015, jam lebih kurang 5.30 pagi, OKT 7 telah menghubungi SP54 untuk datang mengambil OKT 7 di rumahnya di Seksyen 8, Petaling Jaya, Selangor. SP54 pergi ke rumah OKT 7 dengan memandu kereta Proton Perdana WHS 9771. Kereta WHS 9771 adalah kepunyaan OKT 7 yang ditinggalkan kepada SP54 untuk memudahkan SP54 mengambil OKT 7 apabila OKT 7 datang ke Kuala Lumpur.

[14] Selepas mengambil OKT 7, SP54 dan OKT 7 pergi ke Restoran Syed Bistro untuk sarapan pagi. Turut berada di restoran tersebut ialah OKT 3 hingga OKT 6. OKT 7 telah memperkenalkan OKT 3 hingga OKT 6 kepada SP54.

[15] Selesai sarapan, OKT 7 telah mengajak SP54 untuk pergi ke Menara Duta Condominium iaitu tempat tinggal si mati atas alasan OKT 7 hendak memungut pinjaman wang. SP54 dan OKT 7 bergerak ke kondominium

tersebut dengan menaiki kereta Perdana WHS 9771. Manakala OKT 3 hingga OKT 6 pula menaiki kereta Triton PEP 1135 yang dipandu oleh OKT 6.

[16] SP54 bersama OKT 3 hingga OKT 7 sampai di kondominium si mati pada jam lebih kurang 7.15 pagi dan berhenti di bahu jalan berhadapan dengan kondominium tersebut. Mereka membuat pemerhatian selama sepuluh hingga 15 minit.

[17] Kemudian, OKT 7 telah mengarahkan SP54 beredar dari tempat tersebut dengan mengekori Triton yang dinaiki OKT 3 hingga OKT 6 menuju ke Petaling Jaya untuk mencari hotel penginapan bagi OKT 3 hingga OKT 6. SP54 membantu OKT 7 membuat tempahan bilik di New Town Hotel. Tempahan bilik hotel dibuat atas nama SP54. Tetapi bayaran hotel sebanyak RM150 dibayar oleh OKT 7. Setelah OKT 3 hingga OKT 6 daftar masuk bilik hotel, SP54 dan OKT 7 meninggalkan tempat itu dan SP54 menghantar OKT 7 balik ke rumahnya.

[18] Pada 4 September 2015 jam lebih kurang 5.30 pagi, setelah menerima panggilan daripada OKT 7 untuk mengambilnya di rumahnya, SP54 telah pergi ke rumah OKT 7. Semasa dalam perjalanan untuk mengambil OKT 7, SP54 menerima panggilan sekali lagi daripada OKT 7 mengarahkan SP54 untuk terus berjumpa dengannya di Restoran Syed Bistro.

[19] Semasa SP54 sampai di restoran tersebut, kesemua OKT 3 hingga OKT 7 telah berada di situ. Kemudiannya, OKT 7 memberitahu SP54 bahawa mereka perlu pergi semula ke Menara Duta Condominium dan kali ini untuk menangkap si mati sebelum si mati ke pejabatnya. Selesai bersarapan, SP54 bersama OKT 7 menaiki kereta Perdana WHS 9771. Manakala OKT 3 hingga OKT 6 menaiki Triton. Kedua-dua kenderaan bergerak ke kondominium si mati di Menara Duta Condominium.

[20] Setibanya di luar Menara Duta Condominium, kesemua mereka menunggu untuk beberapa minit sebelum bergerak mengekori kereta si mati setelah si mati telah keluar dari kondominium tersebut. Adalah suatu fakta yang telah dibuktikan bahawa pada masa material, si mati memandu kereta Perdana dengan nombor pendaftaran WA 6264 Q. Apabila tiba di satu lampu isyarat, OKT 7 telah turun dari Perdana WHS 9771 yang dipandu SP54 dan berjalan ke arah Triton yang sedang mengekori kereta si mati. Kereta si mati kemudiannya telah dilanggar oleh Triton itu pada jam lebih kurang 7.38 pagi.

[21] Setelah OKT 7 turun dari kereta, SP54 telah beredar dari situ dan pergi bersarapan di sebuah restoran di Petaling Jaya. Semasa bersarapan, SP54 telah menerima panggilan telefon daripada OKT 7 bertanyakan lokasi SP54. Lebih kurang 20 minit kemudian, OKT 6 tiba dengan Triton di restoran tempat SP54 bersarapan. Semasa berada di restoran tersebut, OKT 6 telah menerima satu panggilan telefon. Selepas itu, OKT 6 memberitahu SP54 bahawa mereka perlu menghantar Perdana WHS 9771 yang dipandu SP54 ke sebuah bengkel yang terletak di Desa Mentari.

[22] OKT 6 dan SP54 kemudian bergerak ke bengkel tersebut. SP54 memandu Perdana WHS 9771 dan OKT 6 memandu Triton. Semasa tiba di bengkel di Desa Mentari, SP54 nampak OKT 7 sedang berdiri di sebelah kereta Perdana WA 6264 Q (kereta si mati). OKT 7 datang kepada SP54 dan mengambil kunci kereta WHS 9771. SP54 kemudian meminta OKT 6 menghantarnya pulang ke rumah kerana SP54 tiada kenderaan. Sebelum SP54 dan OKT 6 bergerak keluar dari bengkel tersebut, SP54 melihat OKT 7 membawa masuk kereta si mati ke dalam bengkel tersebut.

[23] OKT 6 telah menghantar SP54 ke kedai SP54 di alamat No. 1, Jalan USJ 1/6D, Subang Jaya (kemudian dari ini dirujuk sebagai kedai SP54) yang masih dalam pengubahsuaian. OKT 6 meninggalkan SP54 di kedainya.

[24] Tiga jam kemudian, OKT 6 datang semula ke kedai SP54 dan memberitahu SP54 bahawa OKT 7 meminta bantuan untuk mencari satu tong drum. Di antara jam 11 pagi hingga jam 12 tengah hari, SP54 bersama OKT 6 telah keluar mencari tong drum di kawasan SS7, Petaling Jaya, Selangor. Mereka telah membeli satu tong drum daripada seorang lelaki Cina bernama Lim Khai Meng (SP53) dengan harga RM20. Dengan menggunakan Triton, tong drum itu dibawa balik dan diletakkan di kedai SP54.

[25] Setelah OKT 6 balik, SP54 menyambung kerja-kerja pengubahsuaian di kedainya. Tidak lama kemudian, SP54 dihubungi oleh OKT 7 memberitahu beliau hendak datang ke kedai SP54. Tetapi, SP54 memberitahu OKT 7 bahawa beliau hendak keluar membeli simen untuk ditabur di tempat air bertakung di hadapan kedainya.

[26] Apabila kembali dari membeli simen, SP54 mendapati OKT 6 dan OKT 7 telah berada di kedainya. Tidak lama kemudian, lori yang membawa konkrit simen tiba dan menuangkan simen. SP54 membayarnya sebanyak RM50.

[27] Semasa SP54 dan pekerjanya Ramesh (SD9) meratakan simen di hadapan kedai, OKT 7 telah meminta SP54 untuk memasukkan sedikit simen ke dalam tong drum yang diletakkan di kedainya sebelum itu. SP54 bersama OKT 6 dan Ramesh telah memasukkan simen ke dalam tong drum itu. Semasa memasukkan simen ke dalam tong drum tersebut, SP54 nampak satu guni yang tidak diketahui isi kandungannya telah ada di dalam tong drum tersebut. Kemudian, OKT 6 dan OKT 7 telah mengecat tong drum tersebut dengan warna merah dan putih.

[28] Setelah selesai memasukkan simen ke dalam tong drum dan mengecatnya, OKT 6 dan OKT 7 beredar dari kedai SP54. Tong drum itu ditinggalkan di kedai SP54. SP54 telah menumpang OKT 7 untuk balik ke rumahnya kerana beliau tiada kenderaan. Semasa dalam perjalanan balik ke rumah, SP54 bersama OKT 6 dan OKT 7 telah singgah di kedai Mydin kerana OKT 7 hendak membeli baju bagi menukarkan bajunya yang telah kotor.

[29] Selepas singgah di kedai Mydin, SP54, OKT 6 dan OKT 7 telah pergi ke bengkel di Desa Mentari. Semasa berada di bengkel tersebut, SP54 telah nampak OKT 7 dan pemilik bengkel itu iaitu Murugan (SD8) seperti sedang berbincang sesuatu dan kemudiannya Murugan beredar dari bengkel itu. Lebih kurang 20 minit kemudian, Murugan telah kembali semula ke bengkel itu dengan membawa empat buah tong yang berisi minyak petrol. Kesemua tong petrol itu dimasukkan ke dalam Triton.

[30] Selepas itu, OKT 7 bersama SP54 dan OKT 6 menaiki Triton yang telah diisi dengan empat tong petrol pergi ke sebuah taman perumahan berdekatan Lapangan Terbang Subang. Triton itu dipandu oleh OKT 6. Pada masa ini, SP54 meminta hendak balik ke rumah kerana telah keletihan, tetapi OKT 7 menyatakan akan hantar SP54 balik selepas menghantar sebuah kereta kepada pemiliknya. Sampai di taman perumahan itu, OKT 7 turun dari Triton menuju ke arah kereta WA 6264 Q (kereta si mati). OKT 7 telah mengambil kesemua tong berisi petrol dari Triton dan meletakkannya ke dalam kereta si mati. OKT 7 kemudian memandu kereta si mati itu ke Hutan Melintang, Perak. OKT 6 memandu Triton mengekori OKT 7. SP54 ada bersama OKT 6 di dalam Triton.

[31] Dalam perjalanan menuju ke Hutan Melintang, OKT 7 telah singgah di dua tempat. Kali pertama, OKT 7 telah berhenti di bawah sebuah jambatan. OKT 7 kemudian turun dari kereta si mati yang dipandunya, datang kepada OKT 6, meminta telefon bimbit OKT 6. OKT 7 mengambil telefon OKT 6 dan meninggalkannya di bahu jalan. Mereka kemudian meneruskan perjalanan. Kali kedua, OKT 7 telah singgah di sebuah jeti yang terletak di Kuala Selangor di mana OKT 7 telah turun dari kereta si mati dengan membawa satu bungkusan ke jeti dan membuangnya berdekatan sungai itu.

[32] Mereka kemudiannya telah meneruskan perjalanan ke arah Sabak Bernam sehingga ke Hutan Melintang, Perak. Setibanya di Hutan Melintang, mereka telah masuk dan berhenti dalam sebuah ladang kelapa sawit. OKT 7 mengarahkan OKT 6 dan SP54 untuk menunggu di bahu jalan manakala OKT 7 memandu kereta si mati terus masuk ke dalam ladang kelapa sawit. Lebih kurang 20 hingga 30 minit kemudian, OKT 7 kembali ke Triton dengan berjalan kaki dan memberitahu OKT 6 dan SP54 bahawa kereta si mati telah dibakar. Akhirnya, mereka bergerak pulang ke Subang Jaya dengan Triton dan menghantar SP54 balik ke rumah.

[33] Pada keesokan harinya iaitu 5 September 2015, OKT 7 telah menghubungi SP54, memberitahu SP54 bahawa ada orang membuat kacau di kedai SP54 dan meminta SP54 untuk datang ke kedainya dengan segera. SP54 serta-merta pergi ke kedainya. Apabila tiba di kedainya, SP54 nampak OKT 3 dan OKT 6 sedang berdiri berhampiran dengan tong drum yang mereka telah masukkan simen sehari sebelum itu. OKT 3 dan OKT 6 telah

menunjukkan ke arah tong drum itu dan SP54 nampak ada sedikit darah mengalir keluar dari tong drum tersebut. SP54 menggigil ketakutan setelah nampak darah itu dan pada masa yang sama, OKT 7 sampai di kedai tersebut.

[34] Dalam ketakutan, SP54 beredar meninggalkan kedainya. Sebelum meninggalkan kedai, SP54 sempat bertanya dengan nada suara tinggi kepada OKT 3, OKT 6 dan OKT 7 apa yang telah mereka lakukan dan apa yang ada di dalam tong drum itu. Walaupun SP54 ditenangkan oleh mereka, SP54 terus beredar meninggalkan kedainya.

[35] Lebih kurang sepuluh minit setelah SP54 meninggalkan kedainya, SP54 telah menerima panggilan telefon daripada OKT 1 bertanyakan di mana SP54 berada ketika itu kerana OKT 1 hendak datang ke kedainya. SP54 meminta OKT 1 supaya tidak datang ke kedainya dan mencadangkan OKT 1 datang berjumpa dengannya di stesen minyak Petronas yang terletak di hadapan Summit USJ.

[36] Mereka kemudiannya berjumpa di stesen minyak Petronas berkenaan. Di stesen minyak itu, SP54 memberitahu OKT 1 bahawa dia ada nampak darah dari tong drum yang diletak di kedainya dan mengesyaki ada sesuatu berlaku kepada seseorang dan SP54 takut jika terjadi sesuatu perkara yang tidak boleh diterima.

[37] Dalam keadaan tersenyum, OKT 1 menasihatkan SP54 untuk tidak mengambil tahu dan tidak masuk campur dengan apa yang telah berlaku di kedainya dan hanya mengambil tahu berkenaan pengubahsuaian kedainya sahaja. OKT 1, kemudiannya telah membawa SP54 menaiki kereta OKT 1 dan mereka pergi berjalan-jalan ke Rawang dan Tanjung Malim. Dalam perjalanan itu, OKT 1 ada membelikan untuk SP54 enam tin minuman keras. Selesai berjalan-jalan, OKT 1 menghantar SP54 ke stesen minyak Petronas semula.

[38] Setelah sampai rumah, SP54 keluar makan bersama dengan isterinya. Selepas makan, SP54 singgah di kedainya dan mendapati tong drum tadi telah tiada dan tempat itu telah dibersihkan.

[39] Pada keesokan harinya, 6 September 2015, jam lebih kurang 8.30 pagi, OKT 1 telah datang ke rumah SP54, mengajak SP54 berjalan-jalan. Mereka keluar ke arah Banting dan sampai ke Tanjung Sepat. Dalam perjalanan itu, OKT 1 telah menunjukkan dari telefon bimbitnya satu gambar kereta terbakar sambil memberitahu SP54 bahawa kereta tersebut adalah kereta Pendakwa Raya yang hilang. SP54 bertanya kepada OKT 1, siapakah Pendakwa Raya yang hilang itu dan OKT 1 menjawab Pendakwa Raya Kevin iaitu si mati. SP54 tidak bertanya siapa yang membakar kereta itu. Sebaliknya, SP54 menanya OKT 1 sama ada OKT 1 ada kaitan dengan apa yang berlaku semalam dan kelmarin. OKT 1 cuma senyum dan menasihatkan SP54 supaya tidak ambil tahu semua itu. Kemudian, OKT 1 menghantar SP54 pulang.

[40] Selesai dengan versi SP54, kami beralih kepada penemuan kereta si mati. Konsisten dengan penceritaan SP54, kereta si mati ditemui di dalam ladang kelapa sawit di Hutan Melintang, Perak. Ahli kimia (SP13) yang memeriksa kereta si matimendapati:

(i) kereta itu terbakar 100%;

(ii) kawasan yang ada nombor chasis (panjang 15 cm dan lebar 5 cm) telah dipotong dan dibuang; dan

(iii) kawasan yang distampkan nombor enjin ada kesan kikisan yang dalam.

[41] Beralih kepada hasil siasatan pihak polis. Siasatan yang dibuat oleh pihak polis membawa kepada penemuan fakta-fakta berikut:

(i) terdapat kesan DNA si mati pada sarung tangan (P30B) yang dijumpai di dalam Triton;

(ii) terdapat kesan DNA si mati, OKT 6 dan OKT 7 pada sehelai t-shirt bewarna hitam (P44B) yang dijumpai di dalam kereta Perdana WHS 9771;

(iii) terdapat kesan DNA si mati pada pintu tandas di bengkel milik Murugan (SD8) yang terletak di Desa Mentari;

(iv) sebuah grinder (P109B) telah dijumpai di dalam sungai di Kuala Selangor;

(v) sekeping kad Touch n Go milik si mati (P160) telah dijumpai di dalam sungai di Kuala Selangor;

(vi) tong drum (P106) yang mengandungi guni dan mayat si mati telah dijumpai di dalam paya di USJ;

(vii) berdasarkan semakan dengan pihak telco, kesemua OKT (kecuali OKT 1) berada berhampiran dengan tempat perlanggaran di antara kereta si mati dan Triton;

(viii) rakaman CCTV yang diambil dari Suria Condominium menunjukkan kereta si mati telah dilanggar dari arah belakang oleh Triton selepas lampu isyarat;

(ix) kesemua OKT telah ditangkap.

Keputusan Di Akhir Kes Pendakwaan

[42] Setelah membuat penilaian maksima ke atas semua keterangan yang dikemukakan, hakim bicara membuat dapatan fakta berikut:

(i) bahawa kesemua OKT (kecuali OKT 1) berada di tempat Triton berlanggar dengan kereta si mati dan mereka adalah orang-orang yang terakhir dilihat berada bersama si mati. Prinsip "last seen together" seperti yang diputuskan dalam kes *Ashok v. State Of Maharashtra* [2015]

4 Supreme Court 393 diikuti. Keterangan SP54 bersama pemakaian prinsip last seen together menunjukkan OKT 3 hingga OKT 7 adalah orang-orang yang berpeluang untuk mengenakan kecederaan asphyxia kepada si mati;

(ii) niat OKT-OKT untuk menyebabkan kematian adalah persoalan fakta dan boleh disimpulkan dari perlakuan mereka. Tindakan OKT 3 hingga OKT 7 berkumpul di Restoran Syed Bistro sebelum ke tempat kejadian dan mereka juga ada bersama semasa perlanggaran dan menculik si mati menunjukkan mereka ada niat yang sama untuk membunuh si mati. Kecederaan-kecederaan yang dikenakan ke atas si mati dan keadaan mayat si mati tidak boleh dilakukan oleh seorang individu sahaja;

(iii) kehadiran OKT 1 di setiap tempat kejadian untuk menunjukkan penglibatan beliau dalam pembunuhan si mati adalah tidak perlu dan boleh dibuat secara inferens. OKT 1 terlibat dalam kes ini kerana bukan sahaja OKT 1 mengenali si mati, tetapi beliau juga mempunyai masalah dengan si mati;

(iv) OKT 3 hingga OKT 7 tidak mengenali si mati. Mereka tidak ada sebab untuk membunuh si mati melainkan atas arahan OKT 1. Tindakan OKT 1 yang menawarkan diri untuk membayar yuran guaman OKT hingga OKT lain mengukuhkan lagi fakta bahawa OKT 1 terlibat sama dalam kes ini;

(v) selain daripada itu, OKT 1 bukan sahaja telah menunjukkan gambar kereta si mati terbakar yang berada di dalam telefon bimbitnya kepada SP54, malah memberitahu SP54 bahawa kereta yang terbakar itu adalah kereta si mati. Perbuatan OKT 1 itu menunjukkan beliau ada pengetahuan terhadap perlakuan OKT 3 hingga OKT 7 dalam pembunuhan si mati;

(vi) berdasarkan alasan (i) hingga (v) di atas, mahkamah berpuas hati bahawa OKT 1 dan OKT 3 hingga OKT 7 mempunyai niat bersama untuk membunuh si mati; dan

(vii) SP54 adalah rakan sejenayah berdasarkan fakta bahawa beliau berada hampir di setiap tempat bersama OKT-OKT lain. Keterangan SP54 adalah konsisten dengan keterangan sokongan iaitu tempat di mana kereta si mati dibakar dan tempat grinder serta barang-barang peribadi si mati dijumpai.

[43] Dengan bergantung kepada fakta-fakta yang dinyatakan di perenggan (i) hingga (vii) di atas, hakim bicara berpuas hati bahawa suatu kes *prima facie* di bawah s. 302 Kanun Keseksaan dibaca bersama s. 34 Kanun yang sama telah dibuktikan terhadap keenam-enam OKT dan mereka dipanggil membela diri.

[44] Kesemua OKT dalam kes ini memilih untuk memberi keterangan bersumpah.

Pembelaan OKT 1

[45] Pembelaan OKT 1 ialah beliau tidak terlibat dalam pembunuhan si mati. OKT 1 menyatakan beliau telah meninggalkan perkhidmatan kerajaan sebagai Histopathologi Tentera pada tahun 2013 apabila ditangkap oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan kemudiannya dituduh dengan kesalahan rasuah di Mahkamah Sesyen Shah Alam.

[46] OKT 1 mengakui si mati adalah Timbalan Pendakwa Raya yang mengendalikan kes rasuahnya di Mahkamah Sesyen Shah Alam. Beliau menghadapi empat pertuduhan rasuah di mahkamah. Walaupun si mati mengendalikan pendakwaan kes rasuahnya dengan pertuduhan semakin ditambah, beliau tidak berdendam dengan si mati malah memuji si mati kerana telah banyak membantu meringankan beban jaminan dan sebagainya bagi kes rasuahnya.

[47] Beliau menafikan ada memberi arahan kepada OKT 7 untuk mengapa-apakan si mati. Kepada beliau, kematian si mati tidak memberi apa-apa keuntungan kepada beliau kerana Timbalan Pendakwa Raya silih berganti walaupun si mati telah tiada.

[48] OKT 1 mengakui beliau kenal OKT 7 dengan nama Selvam. OKT 7 diperkenalkan kepadanya oleh isteri OKT 1 sendiri. Menurut OKT 1, OKT 7 dijemput oleh isterinya bagi mengadakan upacara sembahyang di rumahnya untuk menghilangkan nasib malang beliau dituduh di mahkamah. OKT 1 menafikan beliau yang mengarahkan OKT 7 datang ke mahkamah setiap kali kes rasuah beliau dibicarakan. Sebaliknya, OKT 1 mendakwa isteri beliaulah yang mengarahkan OKT 7 hadir ke mahkamah dan OKT 7 kemudian menyampaikan kepada isterinya apa yang berlaku di mahkamah.

[49] OKT 1 mengakui beliau kenal SP54. SP54 diperkenalkan oleh OKT 7 kepadanya pada tahun 2015 iaitu beberapa bulan sebelum kejadian kes ini. OKT 1 mengakui dia ada meminta SP54 untuk menjadi penjamin kepada isterinya bernama Puviyarasi dan pengarah syarikat Genomad bernama Yap Pek Shyen di dalam kes rasuahnya (No. Kes 63-32-03/2014) di Mahkamah Sesyen Shah Alam. Isu jamin ini timbul disebabkan Puviyarasi dan Yap Pek Shyen enggan menerima sapina. Waran tangkap telah dikeluarkan terhadap mereka. Penjamin bagi kedua-dua waran tangkap itu ialah SP54 dengan jumlah wang jamin sebanyak RM20,000 (RM10,000 setiap seorang). Hubungan OKT 1 dengan SP54 adalah rapat.

[50] OKT 1 mengakui ada menelefon SP54 sebanyak tiga kali pada 4 September 2015. Beliau mengaku ada berjumpa SP54 di Stesen Minyak Petronas. Tetapi menafikan beliau tersenyum apabila SP54 menceritakan

perihal ada darah mengalir dari tong drum yang diletakkan di kedai SP54. OKT 1 juga mengakui beliau ada membawa SP54 berjalan-jalan sehingga ke Rawang.

[51] Mengenai OKT 3 hingga OKT 6, OKT 1 mengatakan beliau tidak mengenali kesemua mereka. Pertama kali OKT 1 berjumpa mereka ialah semasa ditahan di lokap Polis Jinjang Central sehari selepas ditahan pada 15 September 2015.

Pembelaan OKT 3

[52] OKT 3 (Dinishwaran) mengakui fakta-fakta berikut:

(i) pada 3 September 2015, beliau datang dari Kedah ke Kuala Lumpur bersama OKT 4 hingga OKT 7 dengan menaiki kereta Triton;

(ii) beliau ada bersama OKT 4 hingga OKT 7 dan SP54 bersarapan di Restoran Syed Bistro pada 3 September 2015;

(iii) beliau menaiki Triton bersama OKT 4 hingga OKT 6 mengekori Perdana WHS 9771 yang dinaiki OKT 7 dan SP54 ke kondominium si mati pada 3 September 2015;

(iv) beliau juga menginap di hotel yang sama dengan OKT 4 hingga OKT 6;

(v) untuk kali kedua, pada pagi 4 September 2015, beliau menaiki Triton bersama OKT 4 hingga OKT 6 mengekori Perdana WHS 9771 yang dinaiki OKT 7 dan SP54 pergi ke kondominium si mati;

(vi) beliau berada dalam Triton semasa Triton melanggar kereta si mati. Beliau mendakwa tidak turun dari Triton dan tidak melihat kemalangan;

(vii) oleh kerana banyak minum arak, OKT 3 hanya tidur sahaja dalam Triton dan tidak tahu apa yang berlaku;

(viii) semasa membersihkan kedai SP54, OKT 3 ada melihat OKT 6 dan OKT 7 mengangkat tong drum berisi simen yang berada di kedai SP54 dengan menggunakan forklift dan meletakkannya ke dalam Triton. Apabila OKT 6 dan OKT 7 datang balik ke kedai SP54 dengan Triton, tong drum itu sudah tiada;

(ix) selepas itu, OKT 3 balik ke Kedah; dan

(x) beliau menafikan ada kaitan dengan kematian si mati. Beliau mendakwa tidak mengetahui apa-apa berkenaan pembunuhan si mati.

Pembelaan OKT 4

[53] OKT 4 (Thinesh Kumar) mengakui beliau datang dari Kedah ke Kuala Lumpur bersama OKT 3 dan OKT 5 hingga OKT 7 dengan Triton. Kronologi peristiwa yang berlaku dari perjumpaan di Restoran Syed Bistro

hingga perlanggaran dengan kereta si mati adalah sama dengan versi OKT 3. OKT 4 mendakwa beliau tidak melihat perlanggaran antara Triton dengan kereta si mati kerana sedang bermain game di telefonnya.

[54] Pada pagi 5 September 2015, OKT 6 menghantar beliau dan OKT 5 ke stesen bas untuk pulang ke Kedah. OKT 4 menyatakan bapanya mengarahkan dia pulang kerana dia akan masuk kerja pada 6 September 2015.

Pembelaan OKT 5

[55] OKT 5 (Vishwanath) tinggal di Kulim. Beliau datang ke Kuala Lumpur bersama OKT 3 hingga OKT 4 dan OKT 6 hingga OKT 7 dengan tujuan hendak membeli kereta OKT 7.

[56] OKT 5 mengakui berada di dalam Triton semasa Triton berlanggar dengan kereta si mati. Seperti OKT 3, OKT 5 kata beliau tidak tahu mengenai kemalangan tersebut kerana beliau mabuk dan tidur sahaja dalam Triton.

Pembelaan OKT 6

[57] OKT 6 adalah anak saudara OKT 7. Versi OKT 6 ialah beliau datang ke Kuala Lumpur bersama OKT 3, OKT 4, OKT 5 dan OKT 7 dengan tujuan untuk menghantar datuknya pergi ke India.

[58] Cerita OKT 6 mengenai kesemua mereka berjumpa dengan SP54 di Restoran Syed Bistro sebanyak dua kali, beredar ke hotel dan perlanggaran dengan kereta si mati adalah sama dengan cerita OKT 3, OKT 4 dan OKT 5. OKT 6 yang memandu Triton telah berlanggar dengan kereta Perdana si mati.

[59] Selepas perlanggraan, OKT 7 telah memandu kereta si mati dan OKT 6 mengekori OKT 7 sebelum terpisah di lampu isyarat.

[60] OKT 6 mengatakan beliau telah diarahkan oleh SP54 untuk mengikut SP54 pergi membeli sebuah tong drum dan dibawa balik ke kedai SP54 untuk dijadikan tong sekuriti. OKT 6 juga menyatakan bahawa dia dan OKT 7 telah membuang tong drum itu setelah diisi dengan simen dan dicat merah putih berdekatan tempat tong mayat si mati dijumpai. OKT 6 menyatakan dia dan OKT 7 diarahkan oleh SP54 untuk membuang tong itu kerana SP54 tidak lagi hendak menggunakannya.

[61] OKT 6 mengakui bahawa pada keesokan harinya, dia diarahkan oleh OKT 7, atas arahan SP54 untuk membersihkan kedai SP54. Kemudian, OKT 6 ada mengekori SP54 dan OKT 7 pergi ke Hutan Melintang dan ada melihat api terbakar.

Pembelaan OKT 7

[62] Versi OKT 7 ialah beliau datang dari Sungai Petani, Kedah ke Kuala Lumpur pada 2 September 2015 menaiki Triton bersama-sama dengan OKT 3 hingga OKT 6 dan bapa mertuanya. Tujuan beliau datang ke Kuala Lumpur ialah untuk menghantar bapa mertuanya pergi ke India dan urusan menjual kereta Perdana WHS 9771 yang berada dengan SP54 kepada OKT 5.

[63] Cerita OKT 7 mengenai kesemua mereka (kecuali OKT 1) pergi ke kondominium si mati sebanyak dua kali dan perlanggaran antara Triton dengan kereta si mati berlaku pada kali kedua mereka ke kondominium tersebut adalah sama dengan cerita OKT 3 hingga OKT 6.

[64] OKT 7 mengakui semasa bergerak ke kondominium si mati pada 4 September 2015, beliau menaiki Perdana WHS 9771 bersama SP54. Manakala OKT 3 hingga OKT 6 menaiki Triton yang dipandu OKT 6. Pada masa material Perdana WHS 9771 mengekori Triton.

[65] Apabila Triton berlanggar dengan kereta si mati, OKT 7 keluar dari Perdana WHS 9771 dan pergi ke Triton. OKT 7 mendakwa beliau tidak dapat melihat kemalangan kerana terhalang oleh sebuah kereta Estima. Pada masa sampai ditempat kemalangan, SP54 memberitahu OKT 7 bahawa kereta yang dilanggar Triton adalah kereta Timbalan Pendakwa Raya yang mengendalikan kes OKT 1. SP54 kemudian menyuruh OKT 7 membawa kereta si mati ke workshop.

[66] OKT 7 mengakui beliau membawa kereta si mati ke workshop Murugan (SD8) di Desa Mentari. Setengah jam kemudian, SP54 sampai di bengkel SD8 dengan Perdana WHS 9771. SP54 ada memaklumkan bahawa dia telah menghantar si mati dan kawan-kawannya dengan kereta Estima tadi.

[67] OKT 7 mengakui beliau telah menghilangkan nombor chasis dan nombor enjin kereta si mati dengan menggunakan grinder (P109B). OKT 7 mendakwa beliau berbuat demikian atas desakan SP54. Selepas itu, beliau menyerahkan kunci kereta Perdana WHS 9771 kepada SD8 untuk kereta itu dibaiki. Beliau dan SP54 meninggalkan bengkel SD8 dengan menaiki kereta si mati. Menurut OKT 7, SP54 mengarahkannya untuk meletakkan kereta si mati di mana-mana. Beliau telah memandu kereta si mati dan telah meletakkannya di Kampung Subang U5. Setelah itu, OKT 7 menelefon OKT 6 untuk datang mengambilnya dan SP54 dan membawa mereka ke kedai SP54.

[68] Setelah meninggalkan SP54 di kedainya, OKT 7 dan OKT 6 pergi ke Sunway Hotel untuk mengambil OKT3 hingga OKT 5 pergi ke hotel di Subang Jaya, USJ. Setelah menempah bilik hotel, OKT 7 dan OKT 6 pergi ke bengkel SD8 untuk mengambil Perdana WHS 9771. Oleh kerana kereta itu belum siap dibaiki, OKT 7 telah keluar membeli berus, cat dan penceduk

simen untuk membuat tong drum security bagi kedai SP54 sebagaimana yang diarahkan oleh SP54. Barang-barang yang dibeli diletakkan di dalam kereta WHS 9771.

[69] OKT 7 juga menyatakan beliau mengarahkan OKT 6 untuk membantu SP54 membeli tong drum untuk security. Manakala beliau menaiki teksi pergi ke pejabat OKT 1 untuk berbincang tentang SP54 yang mencurigakan. Pada masa itu, OKT 7 mengaku beliau ada melontarkan kunci kereta si mati kepada OKT 1 dan memberitahu bahawa itu adalah kunci kereta DPP yang mengendalikan kes OKT 1.

[70] Selepas itu, OKT 7 kembali ke bengkel SD8 dan mengambil Perdana WHS 9771 walaupun belum siap dibaiki dan terus ke kedai SP54. Apabila sampai di kedai SP54, OKT 7 melihat tong drum sudah ada. SP54 memaklumkan bahawa dia akan keluar membeli simen. Tidak lama selepas itu, SP54 kembali bersama lori simen. OKT 7, OKT 6 dan SP54 mengambil simen yang dicurahkan di depan kedai dan memasukkannya ke dalam tong drum. OKT 7 kemudian mengecat tong drum. Selesai mengecat, hari sudah malam. SP54 memberitahu OKT 7 bahawa dia hendak pulangkan kereta si mati di Kuala Selangor.

[71] OKT 7, OKT 6 dan SP54 menaiki Triton pergi mengambil kereta si mati, meninggalkan Perdana WHS 9771 di kedai SP54. Mereka singgah di kedai Mydin untuk membeli baju kepada OKT 7 kerana baju OKT 7 telah kotor. Mereka kemudian pergi ke hotel untuk OKT 7 memberitahu OKT 5 bahawa kereta yang hendak dibeli (Perdana WHS 9771) belum dapat diserahkan lagi untuk sehari dua ini dan kereta itu akan dibawa dan diserahkan kepada OKT 5 di Kedah.

[72] Selepas itu, OKT 7, OKT 6 dan SP54 pergi ke tempat kereta si mati diletak untuk mengambil kereta itu. Dalam perjalanan, OKT 7 memberitahu SP54 bahawa kereta si mati kekurangan minyak. Oleh itu, mereka pergi ke bengkel SD8 untuk menyuruh SD8 membelikan minyak petrol. SP54 telah memberikan wang dan mengarahkan SD8 membeli empat tin minyak petrol. Minyak petrol itu diletakkan ke dalam Triton. OKT 7, OKT 6 dan SP54 bergerak pergi mengambil kereta si mati.

[73] OKT 7 mengakui beliau memandu kereta si mati dari tempat kereta itu diletakkan sehingga ke dalam ladang kelapa sawit di Hutan Melintang, Perak. Dalam perjalanan itu, mereka berhenti untuk membuang bungkusan barang-barang. OKT 7 mendakwa semua perbuatan beliau itu adalah atas arahan SP54.

[74] OKT 7 menyatakan beliau melihat SP54 membakar kereta si mati. Selepas itu, mereka menaiki Triton yang dipandu OKT 6 balik ke kedai SP54.

[75] Selain daripada itu, OKT 7 juga mengakui beliau telah menghilangkan nombor chasis dan nombor enjin kereta si mati di bengkel SD8 menggunakan grinder (P109B) dan mengakui menunjukkan tempat beliau membuang grinder di Kuala Selangor.

[76] OKT 7 juga turut mengakui bahawa baju P44B yang terdapat DNA si mati adalah baju yang dipakainya atas alasan memegang stering kereta yang dipegang oleh si mati sebelum itu boleh menyebabkan DNA berpindah. Namun OKT 7 gagal memberi penjelasan mengenai kesan DNA darah si mati yang terdapat di pintu tandas bengkel SD8.

Keputusan Di Akhir Kes Pembelaan

[77] Di akhir kes pembelaan, hakim bicara mendapati pembelaan kesemua OKT adalah bersifat pemikiran terkemudian dan tidak menimbulkan apa-apa keraguan munasabah kepada kes pendakwaan. Dengan kata lain, pendakwaan telah berjaya membuktikan tanpa keraguan munasabah bahawa kesemua OKT telah melakukan kesalahan membunuh si mati sebagaimana pertuduhan. Kesemua OKT didapati bersalah dan setiap dari mereka dijatuhkan hukuman gantung sampai mati.

Rayuan

[78] Secara umumnya, kesemua perayu membangkitkan isu-isu berikut:

(i) mereka tiada motif untuk membunuh si mati;

(ii) Tiada niat bersama antara kesemua OKT untuk membunuh si mati;

(iii) SP54 bukanlah saksi yang kredibel dan beliau memberi keterangan palsu; dan

(iv) pembelaan OKT-OKT tidak dipertimbangkan.

Motif

[79] Adalah undang-undang mantap bahawa motif tidak diperlukan untuk membuktikan suatu kesalahan membunuh. Tetapi, jika motif berjaya dibuktikan oleh pendakwaan, ia akan menyokong kes pendakwaan terhadap OKT (*Dato' Mokhtar Hashim & Anor v. PP* [1983] 2 CLJ 10; [1983] CLJ (Rep) 101; [1983] 2 MLJ 232).

[80] Berbalik kepada kes ini. Fakta menunjukkan OKT 3 hingga OKT 7 tidak mengenali si mati. Oleh itu, hakim bicara membuat keputusan yang betul apabila memutuskan bahawa OKT 3 hingga OKT 7 tidak ada sebab atau motif untuk membunuh si mati. Tetapi, fakta ini semata-mata tidak bermakna mereka tidak terlibat dalam pembunuhan si mati. Melihat kepada cara pembunuhan itu dilakukan, mereka ada kaitan dengan OKT 1. OKT 3 hingga OKT 7 adalah pelaku-pelaku yang melaksanakan niat OKT 1 yang hendak menghapuskan si mati.

[81] OKT 1 telah dibuktikan bukan sahaja mengenali si mati, tetapi juga mempunyai masalah emosi dan kewangan dengan si mati kerana si mati adalah pegawai pendakwa untuk kes rasuah dan beberapa kes lain yang dikenakan terhadap OKT 1.

[82] Saksi pendakwaan, SP69 memberi keterangan bahawa terdapat lima kes terhadap OKT 1 dengan pertuduhan-pertuduhan berikut:

(i) Kes 61R-3-9/2013

Melibatkan dua pertuduhan. Pertuduhan pertama di bawah s. 16(A) Akta SPRM 2009. Pertuduhan kedua di bawah s. 17A Akta yang sama. Perbicaraan kes ini bermula pada 20 Oktober 2014 dan masih belum selesai.

(ii) Kes 61R-8-12/2013

Melibatkan satu pertuduhan di bawah s. 168 Kanun Keseksaan.

(iii) Kes 61R-10-12/2013

Melibatkan enam pertuduhan, kesemuanya di bawah s. 403 Kanun Keseksaan.

(iv) Kes 63-32-03/2014

Melibatkan satu pertuduhan di bawah s. 168 Kanun Keseksaan.

(v) Kes 63-51-06/2015

Melibatkan dua pertuduhan, kedua-duanya di bawah s. 168 Kanun Keseksaan.

[83] Akibat daripada pertuduhan-pertuduhan yang dihadapinya, OKT 1 mengalami bebanan kewangan yang berikut:

(i) harta OKT 1 yang berbentuk wang tunai lebih kurang RM380,000 telah dibekukan;

(ii) terpaksa mengeluarkan wang jaminan RM20,000; dan

(iii) terpaksa membayar fee peguam yang mencecah ratusan ribu ringgit.

[84] OKT 1 juga marah dan tidak suka si mati kerana si mati menambah pertuduhan, si mati mengarahkan beliau ditangkap, si mati juga menyoal siasat beliau dan beranggapan beliau tidak boleh menang kes rasuah jika si mati adalah pegawai pendakwa.

[85] Atas dasar marah dan tidak puas hati dengan tindakan si mati, OKT 1 telah membuat dua permohonan untuk recuse si mati daripada mengendalikan kes-kes OKT 1. Permohonan recusal dibuat dalam Kes 61R-03-09/2013 dan Kes 63-32-03/2014. Alasan permohonan ialah OKT 1

menyatakan pada asalnya beliau hanya dipanggil untuk dirakamkan percakapan, tetapi akhirnya beliau ditangkap (atas arahan si mati) dan si mati juga terlibat dalam siasatan kes.

[86] Permohonan recusal telah dibenarkan oleh Hakim Sesyen. Atas permohonan semakan oleh responden, Hakim Mahkamah Tinggi telah mengetepikan keputusan Hakim Sesyen. Ini bermakna si mati kekal sebagai pegawai pendakwa dalam kes-kes terhadap OKT 1.

[87] SP54, dalam keterangannya memberitahu OKT 1 ada memberitahu SP54 bahawa si mati menyusahkan OKT 1 sebab ada banyak kes dan terpaksa keluarkan yuran peguam dan mungkin satu hari nanti OKT 1 akan jadi miskin. Keterangan SP54 ini tidak dinafikan oleh OKT 1.

[88] Dalam keadaan-keadaan yang dinyatakan di atas, pendakwaan telah berjaya membuktikan bahawa bukan sahaja OKT 1 ada motif untuk membunuh si mati kerana si mati menyusahkan hidup beliau, tetapi juga OKT 1 adalah mastermind disebalik kejadian pembunuhan ini. Keterangan juga menunjukkan pembunuhan ini dilaksanakan dengan OKT 1 memberi arahan kepada OKT 7 dan OKT 7 pula memberi arahan kepada OKT 3 hingga OKT 6.

Niat Bersama

[89] Seksyen 34 Kanun Keseksaan memperuntukkan:

> When a criminal act is done by several persons, in furtherance of the common intention of all, each of such persons is liable for that act in the same manner as if the act were done by him alone.

[90] Kami bersetuju dengan hujahan pendakwaan bahawa s. 34 terpakai bukan sahaja kepada perlakuan, tetapi juga merangkumi ketinggalan (omissions). Perkara ini disebut dengan nyata di bawah s. 32 Kanun Keseksaan yang berbunyi:

> In every part of this Code, except where a contrary intention appears from the context, words which refer to acts done also extend to illegal omissions.

[91] Mengenai pemakaian s. 34, memadailah kami merujuk kepada kes *Farose Tamure Mohamad Khan v. PP & Other Appeals* [2016] 9 CLJ 769; [2016] 6 MLJ 277. Dalam kes itu, Mahkamah Persekutuan menjelaskan inti pati s. 34 seperti berikut:

> [49] It is widely acknowledged that s 34 is a rule of evidence which embodies the common sense principle that if two or more persons intentionally do a thing jointly, it is just the same as if each of them had done it individually (*Krishna Rao Gurumurthi v. PP And Another Appeal* [2009] 3 MLJ 643).

A ...

[51] The provision is intended to meet a case in which it may be difficult to distinguish between acts of individual members of a party who act in furtherance of the common intention of all or to prove exactly what part was taken by each of them (*Hari Ram v. State of Uttar Pradesh* [2004] 8 SCC
B 146). In those circumstances, the law makes no distinction between them or between the parts played by them in doing the criminal act (*Bashir v. State* AIR 1953 All 668).

[52] Presence is not necessary to constitute participation in every case. It is sufficient for the accused to have done an act with some nexus to the
C offence (*Sabarudin bin Non & Ors v. Public Prosecutor* [2005] 4 MLJ 37 and *Manikumar Sinappan & Ors v. Public Prosecutor* [2015] MLJU 1956; [2016] 2 MLRA 1).

[53] Common intention, distinguished from the same or similar intention, requires proof that the criminal act was done in pursuance of a pre-arranged plan. Such pre-planning may develop on the spot or in the
D course of commission of an offence, the crucial test being the plan must precede the commission of the offence.

[54] A common intention may be often difficult to prove by way of direct evidence in practice, but it can be inferred from the circumstances of the case and the conduct of the accused.

E ...

[66] The existence of a common intention is a question of fact in each case to be proved mainly as a matter of inference from the circumstances of the case. Direct evidence as proof is difficult to procure because common intention is essentially a state of mind. Invariably inferences
F have to be relied upon arising from such acts or conduct of the accused, the manner in which the accused arrived at the scene, the nature of injury caused by one or some of them or such other relevant circumstances available. The totality of the circumstances must be taken into consideration in arriving at a conclusion whether there is a common intention to commit the offence for which the accused could be convicted.
G The facts and circumstances of each case might vary. As such, each case should be decided based on the facts involved.

[92] Niat bersama hanya boleh dibuktikan dengan membuat inferens daripada keadaan fakta kes dan perlakuan OKT hingga OKT. Dalam kes ini, perlakuan OKT hingga OKT yang membolehkan inferen dibuat bahawa
H wujud niat bersama mereka untuk membunuh si mati adalah seperti berikut:

(i) OKT 3 hingga OKT 7 ada bersama-sama semasa perlanggaran yang disengajakan antara kereta Triton dengan kereta si mati. Selepas perlanggaran, OKT 7 telah turun dari kereta Perdana WHS 9771 dan
I menuju ke kereta si mati. Kemudian, OKT 7 memandu kereta si mati ke bengkel SD8.

(ii) rakaman CCTV menunjukkan beberapa orang turun dari Triton menuju ke kereta si mati. Walaupun identiti orang-orang ini tidak jelas, inferens boleh dibuat bahawa mereka ialah OKT 3 higgga OKT 5 kerana OKT 6 yang memandu Triton tidak turun dan meneruskan perjalanan. SP54 juga tidak turun dari kereta dan terus memandu Perdana WHS 9771 meninggalkan tempat tersebut dan beliau tidak terlibat dengan pembunuhan si mati.

(iii) inferens bahawa OKT 3 hingg OKT 5 turun dari Triton dan pergi ke kereta si mati disokong oleh dua alasan berikut. Alasan pertama, kecederaan-kecederaan yang dikenakan ke atas si mati adalah berbentuk untuk mengakibatkan si mati tidak boleh bernafas seperti menyerkup muka si mati dengan beg plastik dan menekan serta menghimpit dada si mati. Selain daripada itu, tangan si mati juga diikat ke belakang dengan tali leher. Kesemua perbuatan ini dilakukan dengan cepat dan tidak boleh dilakukan oleh seorang OKT sahaja. Alasan kedua, SD8 telah memberi keterangan bahawa semasa kereta si mati sampai ke bengkel SD8 di Desa Mentari, selain OKT 7, beliau nampak ada tiga orang dalam kereta si mati dan satu guni dalam bonet kereta si mati.

(iv) perlakuan OKT 3 hingga OKT 7 sengaja melanggar kereta si mati, menculik dan seterusnya membunuh si mati menunjukkan mereka telah merancang terlebih dahulu cara pembunuhan ini hendak dilaksanakan. Mereka tahu di mana si mati tinggal, pukul berapa si mati keluar rumah, jalan yang dilalui si mati, bagaimana pembunuhan hendak dilakukan dan berapa orang diperlukan untuk melaksanakannya. Sebab itulah OKT 7 datang dari Kedah dengan membawa bersamanya OKT 3 hingga OKT 6 dan mereka sentiasa ada bersama-sama di awal pagi pada 3 September 2015 dan 4 September 2015 di Restoran Syed Bistro.

(v) OKT 1 turut terlibat kerana beliau hanya tersenyum dan menasihatkan SP54 supaya bertenang dan tidak mencampuri urusan OKT 3 hingga OKT 7 apabila SP54 memberitahu OKT 1 mengenai darah mengalir dari tong drum. OKT 1 juga menunjukkan gambar kereta si mati yang terbakar yang berada dalam telefon bimbitnya kepada SP54. Seterusnya, OKT 7 pula telah membalingkan kunci kereta si mati kepada OKT 1. Selain daripada itu, OKT 1 juga menyatakan beliau akan menanggung yuran guaman OKT 3 hingga OKT 7 kerana semua masalah ini berpunca daripada OKT 1. Kesemua fakta ini menunjukkan OKT 1 tahu apa yang dilakukan oleh OKT 3 hingga OKT 7. SP54 dan OKT 7 hanya memaklumkan perkara yang telah berlaku kepada OKT 1 kerana OKT 1 adalah mastermind yang menghendaki bukan sahaja si mati, tetapi juga kereta si mati perlu dihapuskan. Maka, tujuan OKT 7 membalingkan kunci kereta si mati kepada OKT 1 di pejabat OKT 1 adalah untuk menunjukkan bahawa arahan OKT 1 telah dilaksanakan.

[93] Kesemua fakta-fakta ini telah diambil kira oleh hakim bicara semasa beliau memutuskan pendakwaan telah berjaya membuktikan wujudnya niat bersama antara kesemua OKT untuk membunuh si mati. Kami mendapati tidak ada apa-apa sebab untuk mahkamah ini mengacau ganggu dapatan fakta yang dibuat oleh hakim bicara.

Keterangan SP54

[94] Hakim bicara telah memutuskan bahawa SP54 adalah rakan sejenayah (accomplice) kerana beliau berada hampir di setiap tempat kejadian.

[95] Seksyen 133 Akta Keterangan memperuntukkan:

> An accomplice shall be a competent witness against an accused person; and a conviction is not illegal merely because it proceeds upon the uncorroborated testimony of an accomplice.

[96] Dalam kes *Yap Ee Kong & Anor v. PP* [1980] CLJU 117; [1980] 1 LNS 117; [1981] 1 MLJ 144, Mahkamah Persekutuan menghuraikan prinsip undang-undang berkaitan keterangan rakan sejenayah seperti berikut:

> It is trite law that although an accomplice is a competent witness, a conviction is not illegal merely because it proceeds upon the uncorroborated testimony of an accomplice. All leading authorities have stated in clear terms that it has long been a rule of practice or rule of prudence which has become virtually equivalent to a rule of law for the judge or jury to be warned of the danger of convicting on the uncorroborated testimony of an accomplice. It is a matter of prudence except where circumstances make it safe to dispense with it that there must be corroboration of the evidence of an accomplice ...

[97] Dengan merujuk kepada kes *Yap Ee Kong*, hakim bicara menyatakan di perenggan [128] penghakiman beliau seperti berikut:

> [128] Walaupun s. 133 Akta Keterangan membenarkan tertuduh disabitkan kesalahan berdasarkan keterangan yang diberikan oleh rakan sejenayah tanpa sebarang keterangan sokongan namun mahkamah bicara hendaklah memberi amaran tentang bahaya sabitan tanpa keterangan sokongan terhadap keterangan yang diberikan oleh rakan sejenayah. Mahkamah bicara juga sedar keadaan bahawa tertuduh boleh disabitkan berdasarkan keterangan rakan sejenayah semata-mata. Mahkamah bicara juga perlu rasa selamat untuk membuat sabitan jika berdasarkan keterangan rakan sejenayah tanpa wujudnya sebarang keterangan sokongan.

[98] Dalam kes ini, hakim bicara mendapati keterangan SP54 disokong oleh keterangan berikut:

(i) DNA si mati telah dijumpai di pintu tandas di bengkel SD8;

(ii) DNA si mati, OKT 6 dan OKT 7 dijumpai pada t-shirt warna hitam yang dipakai oleh OKT 7;

(iii) tempat di mana barang peribadi si mati ditemui;

(iv) tong drum yang dijumpai mengandungi mayat si mati; dan

(v) tempat di mana kereta si mati dibakar.

[99] Komplen kesemua OKT ialah SP54 telah memberi keterangan palsu dan adalah tidak selamat untuk mahkamah mensabitkan kesemua OKT dengan keterangan SP54 semata-mata.

[100] Kami mendapati komplen OKT-OKT adalah tidak berasas dan ditolak. Kami mendapati keterangan SP54 bukanlah keterangan palsu. Sebaliknya, SP54 bercakap benar mengenai perkara-perkara berikut:

(i) OKT 1 ada masalah dengan si mati. Fakta ini diakui oleh OKT 1;

(ii) kereta Triton sengaja langgar kereta si mati. Fakta ini diakui benar oleh OKT 3 hingga OKT 7;

(iii) OKT 7 memandu kereta si mati ke dalam bengkel SD8. Fakta ini diakui oleh OKT 7;

(iv) ada darah keluar dari tong drum. Fakta ini konsisten dengan penemuan mayat si mati di dalam tong drum;

(v) simen dimasukkan ke dalam tong drum. Tong drum yang dikeluarkan dari paya disahkan mengandungi simen apabila tong drum itu dibuka;

(vi) OKT 7 membuang barang-barang peribadi si mati ke dalam sungai. OKT 7 juga yang menunjukkan kepada polis tempat beliau membuang barang-barang ini. Tempat yang ditunjukkan adalah sama dengan penceritaan SP54;

(vii) OKT 7 membakar kereta si mati di ladang kelapa sawit. Kereta si mati ditemui di tempat yang dikatakan oleh SP54; dan

(viii) OKT 1 menunjukkan gambar kereta si mati yang terbakar dalam telefon bimbitnya. Fakta ini diakui oleh OKT 1.

[101] Bila keterangan SP54 mengenai fakta-fakta yang material adalah benar, hakim bicara membuat keputusan yang betul bila memutuskan keterangan SP54 disokong oleh keterangan sokongan yang lain dan bahawa sabitan berasaskan keterangan SP54 adalah selamat. Kami mendapati terdapat keterangan yang melimpah ruah yang menyokong dapatan fakta hakim bicara dan tidak ada sebab untuk kami mengganggu keputusan beliau itu.

Pembelaan OKT-OKT

[102] Komplen OKT-OKT ialah pembelaan mereka tidak dipertimbangkan oleh hakim bicara. Kami mendapati dakwaan OKT-OKT adalah tidak benar. hakim bicara ada mempertimbangkan pembelaan OKT-OKT di perenggan [221] hingga perenggan [272] penghakiman.

[103] Hakim bicara mendapati pembelaan OKT 1 bahawa beliau tiada dendam dengan si mati dan tidak memberikan arahan kepada OKT 7 untuk membunuh si mati adalah bertentangan dengan fakta yang telah dibuktikan melalui keterangan SP54. Pembelaan OKT 1 hanyalah penafian semata-mata. Mana mungkin mahkamah boleh menerima keterangan OKT 1 bahawa si mati dikatakan telah berbuat baik kepada beliau (OKT 1) dengan memberikan jamin kepada isteri OKT 1 dan pengarah syarikat OKT 1. Semua pembelaan ini adalah suatu pemikiran terkemudian untuk menyelamatkan diri. Malah, pembelaan OKT 1 bahawa kononnya SP54 telah meminta OKT 1 menanggung kos guaman juga tidak pernah dicadangkan kepada SP54.

[104] Pembelaan OKT 3 dan OKT 4 diambil bersekali. OKT 3 dan OKT 4 kata semasa berlaku perlanggaran antara Triton dengan kereta si mati, mereka tidur sahaja dalam Triton dan tidak tahu apa-apa mengenai pembunuhan. Tetapi, pembelaan ini tidak pernah dicadangkan kepada SP54. Selain daripada itu, kami mendapati pembelaan mereka adalah tidak masuk akal. Sebelum berlaku perlanggaran, sudah tentu mereka telah diberitahu oleh OKT 7 bahawa tujuan perlanggaran itu ialah untuk mereka menangkap dan membunuh si mati. Hanya tinggal OKT 3 dan OKT 4 sahaja untuk membantu OKT 7 membunuh si mati kerana OKT 7 memandu kereta si mati.

[105] Pembelaan OKT 5 bahawa beliau datang ke Kuala Lumpur kononnya untuk membeli kereta WHS 9771 yang dikatakan kepunyaan OKT 7, tetapi digunakan oleh SP54 adalah tidak masuk akal kerana kereta tersebut bukan didaftarkan atas nama OKT 7. Perkara jual beli kereta WHS 9771 ini juga tidak pernah dicadangkan kepada SP54. Selain daripada itu, OKT 5 hanya bekerja sebagai pengawal keselamatan dengan gaji RM1,500 sebulan. OKT 5 tidak mampu untuk membeli kereta. Beliau juga mengaku tidak membawa wang untuk membeli kereta yang dikatakan berharga antara RM6,000 hingga RM7,000. Jika OKT 5 hendak membeli kereta, beliau tidak perlu ada bersama OKT 3, OKT 4, OKT 6, OKT 7 pada jam 5.30 pagi di Restoran Syed Bistro sebanyak dua kali dan tidak juga perlu duduk bersama OKT 3, OKT 4 dan OKT 6 di hotel selama dua hari dengan makan minum dan bayaran hotel ditanggung oleh orang lain. Konklusi yang munasabah ialah OKT 5 terlibat sama dengan OKT 3, OKT 4, OKT 6 dan OKT 7 atas kematian si mati.

[106] OKT 6 adalah anak saudara OKT 7. Keterangan menunjukkan OKT 6 adalah orang yang memandu Triton semasa perlanggaran berlaku. Beliau juga yang pergi membeli tong drum. Beliau juga mengisi simen dalam tong drum. Beliau bersama OKT 7 telah mengecat tong drum dan mereka berdua juga yang membuang tong drum ke dalam paya. OKT 7 juga yang menunjukkan kepada polis tempat tong drum dibuang sehingga membawa kepada penemuan tong drum dan mayat si mati. Kesemua perlakuan

OKT 6 dibuat atas arahan OKT 7. Tetapi, dalam pembelaannya, OKT 6 bukan sahaja menafikan beliau terlibat dalam kejadian pembunuhan, tetapi juga mendakwa bahawa SP54 yang memberikan semua arahan kepada beliau, bukannya OKT 7. Adalah jelas bahawa pembelaan OKT 6 adalah bertentangan dengan fakta yang telah dibuktikan oleh pendakwaan dan bersifat menyalahkan SP54 pula. Pembelaan bahawa semua perlakuan beliau dibuat atas arahan SP54 tidak pernah dicadangkan kepada SP54. Kami mendapati pembelaan OKT 6 adalah pemikiran terkemudian dan tidak menimbulkan keraguan munasabah kepada kes pendakwaan.

[107] Seperti OKT 6, pembelaan OKT 7 ialah semua tindakan beliau di semua tempat kejadian dilakukan atas arahan SP54. Setelah mendengar keterangan SP54, OKT 7 mengatakan SP54 adalah mastermind. Dengan membangkitkan pembelaan sebegini, OKT 7 sebenarnya sudah terdesak untuk menyelamatkan dirinya dengan membuat cerita rekaan yang tidak masuk akal. Kami mendapati pembelaan OKT 7 juga tidak menimbulkan keraguan munasabah kepada kes pendakwaan.

[108] Setelah membaca alasan penghakiman hakim bicara, kami mendapati beliau telah membuat konklusi yang tepat bahawa pembelaan OKT-OKT adalah penafian, suatu rekaan dan tidak menimbulkan keraguan munasabah kepada kes pendakwaan.

Keputusan Kami

[109] Berdasarkan alasan-alasan yang dinyatakan di atas, kami sebulat suara mendapati sabitan terhadap OKT-OKT adalah selamat.

[110] Mengenai hukuman, kami mendapati kejadian pembunuhan ini telah dirancang dengan rapi. Keadaan mayat si mati semasa dijumpai menunjukkan kekejaman OKT-OKT. Tidak cukup dengan membunuh si mati, kereta si mati juga dibakar dan barang-barang peribadi si mati dibuang. Maka, kejadian bunuh ini dikategorikan sebagai luar biasa dari kejadian bunuh yang biasa-biasa. Oleh itu, pada hemat kami, hukuman yang sepadan dengan kesalahan yang dilakukan ialah hukuman gantung sampai mati.

[111] Dengan itu, rayuan OKT-OKT terhadap sabitan dan hukuman di dalam kedua-dua rayuan ditolak. Sabitan dan hukuman yang dijatuhkan oleh Hakim Mahkamah Tinggi dalam kedua-dua rayuan dikekalkan.